A **DALAM PERKARA SATHIVEL SUBRAMANIAM & YANG LAIN**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TEMERLOH
ROSLAN MAT NOR PK
[PERMOHONAN JENAYAH NO: CB-43(A)-1-05-2023]
11 MEI 2023

B

Abstrak – *Sebelum seseorang boleh ditahan reman bawah s. 49 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, orang yang disyaki perlulah terlebih dahulu melalui proses bawah s. 49(2)(a), (b) atau (c) Akta yang sama. Tahanan reman hanya boleh dibuat jika terdapat keadaan apabila orang yang disyaki tidak mematuhi s. 49(2)(a), (b) atau (c) dan boleh ditangkap semula bawah s. 49(3) serta ditahan reman bawah s. 49(4).*

C

D ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Semakan – Reman – Enam anggota polis ditahan kerana disyaki menerima rasuah – Keenam-enam orang yang disyaki ditahan reman susulan permohonan reman – Semakan terhadap perintah tahanan reman – Sama ada prosiding permohonan teratur mengikut undang-undang – Pengendalian tangkapan dan perkara-perkara yang boleh dilakukan atas seseorang yang ditangkap – Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, s. 49 – Sama ada orang-orang yang disyaki sudah terlebih dahulu melalui proses bawah s. 49(2)(a), (b) atau (c) sebelum ditahan reman – Sama ada orang-orang yang disyaki melanggar s. 49(2)(a), (b) atau (c)*

E

F Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ('SPRM') telah menahan enam orang anggota polis kerana disyaki menerima rasuah bernilai RM5,000. Satu permohonan reman dibuat pada Penolong Kanan Pendaftar ('PKP') atas alasan: (i) mengesan bahan bukti penting berkaitan kes yang dipercayai masih dalam simpanan orang-orang yang disyaki ('OYDS'); (ii) mengesan saksi utama dan beberapa individu penting yang dipercayai berkaitan dengan siasatan kes; (iii) melakukan penggeledahan di beberapa lokasi dan pengecaman terhadap OYDS; (iv) terdapat dokumen-dokumen penting berkaitan siasatan, yang perlu dikaji dan dirujuk pada OYDS; (v) mengelakkan berlaku kacau ganggu saksi-saksi lain jika OYDS dibebaskan dan pencarian barang kes masih lagi dilakukan; (vi) mengelakkan OYDS mengganggu, mempengaruhi dan mengancam saksi-saksi yang terlibat semasa proses siasatan jika mereka dibebaskan terlalu awal; (vii) merakam pernyataan saksi-saksi yang terlibat yang boleh membantu siasatan; (viii) menjalankan pemeriksaan awal dan merakam percakapan OYDS bawah s. 53(3) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('Akta'); dan (ix) jika OYDS dilepaskan pada peringkat ini, sudah tentu siasatan akan terjejas dan OYDS dibimbangi akan menghapuskan bukti-bukti penting yang boleh membantu siasatan. Permohonan tersebut dibenarkan oleh PKP. Maka

G

H

I

timbul semakan ini terhadap perintah tahanan reman tersebut. Isu utama yang berbangkit adalah sama ada prosiding permohonan tersebut teratur mengikut undang-undang.

Diputuskan (mengetepikan perintah tahanan reman):

(1) Akta memperuntukkan secara khusus tentang tatacara pengendalian tangkapan dan perkara-perkara yang boleh dilakukan atas seseorang yang ditangkap, seperti yang diperincikan bawah s. 49 Akta. Tiada tatacara lain yang boleh digunakan. Walau bagaimanapun, s. 49 Akta menyatakan bahawa tiap-tiap orang yang ditangkap bawah sub-s. (1) boleh dilepaskan daripada jagaan. Ini mencadangkan bahawa seseorang itu boleh atau tidak dilepaskan selepas ditangkap. Apa yang berlaku jika pegawai SPRM memilih untuk tidak membebaskan orang yang ditangkap; adakah seseorang boleh ditahan melebihi tempoh yang dibenarkan oleh undang-undang? Akta tidak memperihalkan apakah yang akan dibuat selepas seseorang itu ditahan lebih daripada 24 jam. Isu sama ada seseorang yang ditahan melebihi 24 jam oleh pegawai SPRM sudah terang lagi bersuluh bercanggah dengan per. 5(4) Perlembagaan Persekutuan. (perenggan 29, 30, 34 & 41)

(2) Penelitian s. 49 Akta mendedahkan bahawa apabila seseorang ditangkap bawah s. 49(1), siasatan yang sewajarnya setelah menerima aduan seperti yang diperuntukkan bawah s. 7 Akta tersebut sudah berada di penghujung. Ini bermakna, setelah siasatan selesai dan sudah ditentukan pihak yang ingin ditangkap, tangkapan dibuat bawah s. 49(1) demi mengambil tindakan yang sewajarnya bagi orang yang ditangkap. Sekiranya siasatan memerlukan tempoh masa lanjut, s. 49(2)(a), (b) atau (c) akan digunakan. Kegagalan mematuhi syarat-syarat bawah s. 49(2) akan menyebabkan orang yang ditangkap itu boleh ditangkap semula dan dibawa pada tahanan reman. Ini tidak menunjukkan bahawa seseorang yang ditangkap bawah kesalahan-kesalahan Akta perlu diperlakukan seperti kesalahan jenayah yang melibatkan kekerasan, seperti kes bunuh atau rompakan, yang memerlukan siasatan lanjut berdasarkan keterangan yang dikemukakan oleh pihak yang ditangkap sehingga menyebabkan siasatan tersebut tidak boleh diselesaikan dalam tempoh 24 jam dan memerlukan permohonan tahanan reman dibuat. Seksyen 49 menunjukkan bahawa siasatan tersebut perlu diselesaikan dalam tempoh kurang 24 jam sehingga tidak perlu untuk membuat permohonan tahanan reman. Sekiranya tempoh tersebut tidak dapat diselesaikan siasatannya, pegawai penyiasat mempunyai kuasa, bawah s. 49(2)(a), (b) atau (c), untuk memberikan perintah-perintah tersebut dan apa-apa kemungkiran terhadap perintah tersebut, mendedahkan OYDS untuk ditangkap semula dan permohonan reman boleh dibuat bawah s. 49(4) Akta. (perenggan 43)

(3) Sebelum seseorang boleh ditahan reman bawah s. 49 Akta, OYDS perlulah terlebih dahulu melalui proses bawah s. 49(2)(a), (b) atau (c). Tahanan reman hanya boleh dibuat jika terdapat keadaan apabila orang yang disyaki tidak mematuhi s. 49(2)(a), (b) atau (c) dan boleh ditangkap semula bawah s. 49(3) serta tahanan reman bawah s. 49(4) Akta. Apabila permohonan reman dibuat bawah s. 49(4) Akta, mahkamah boleh mereman orang itu dalam jagaan atau membenarkan orang itu dijamin atas syarat-syarat yang sama yang diberikan bawah s. 49(2) Akta, seperti di atas, atau syarat-syarat lain sebagaimana yang difikirkan patut. (perenggan 49 & 50)

(4) Berdasarkan nota prosiding, tiada apa-apa (i) petanda yang menunjukkan OYDS telah melalui proses bawah s. 49(2)(a), (b) atau (c) Akta; dan (ii) keterangan yang menunjukkan bahawa OYDS telah melanggar apa-apa perintah yang diberi bawah s. 49(2)(a), (b) atau (c) Akta sehingga mereka ditangkap dan seterusnya dikemukakan untuk tahanan reman. Oleh itu, perintah tahanan reman oleh PKP tidak betul dan tidak sah mengikut undang-undang. (perenggan 51 & 52)

Kes-kes yang dirujuk:

In Re The Detention Of S Sivarasa & Ors [1997] 1 CLJ 471 HC ***(dirujuk)***

Perbadanan Pengurusan Sunrise Garden Kondominium v. Sunway City (Penang) Sdn Bhd & Ors And Another Appeal [2023] 2 CLJ 333 FC ***(dirujuk)***

Polis Diraja Malaysia v. Audrey Keong Mei Cheng [1994] 3 CLJ 362 HC ***(refd)***

PP v. Ayar & Ors [2010] 9 CLJ 1006 HC ***(dirujuk)***

PP v. Chew Siew Luan [1982] CLJ 354; [1982] CLJ (Rep) 285 FC ***(dirujuk)***

PP v. Chu Beow Hin [1982] CLJ 110; [1982] CLJ (Rep) 288 FC ***(dirujuk)***

Saul Hamid Pakir Mohamed v. PP [1987] 2 CLJ 257; [1987] CLJ (Rep) 967 HC ***(dirujuk)***

Shamsul Kamar Karia v. PP [2013] 9 CLJ 387 CA ***(dirujuk)***

Tan Kah Fatt & Anor v. Tan Ying [2023] 2 CLJ 169 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Anti-Corruption Act 1997, s. 31

Anti-Corruption Agency Act 1982, s. 5

Biro Siasatan Negara Act 1973, s. 5

Criminal Procedure Code, ss. 2, 3, 28, 117, 323

Federal Constitution, art. 5(4)

Fisheries Act 1985, s. 47D

Immigration Act 1959/63, s. 51(5)

Interpretations Act 1948 and 1967, s. 17A

Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009, ss. 7(a), (b), 10(1)(a), (b), 16(a)(A), 29, 49(1), (2)(a), (b), (c), (3), (4), 67

Prevention of Corruption Act 1961, ss. 21, 23, 29

Prevention of Corruption Act [Sing], ss. 15, 16, 17, 18

Bagi pihak pendakwaan - Rif'ah Izzati Abdul Mutalif; Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Bagi pihak penama-penama - Mazieera Ra'Sharifudin & Khairul Anuar Abu Hassan Ashaari; Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Roslan Mat Nor PK:

[1] Pada 7 Mei 2023, saya telah terbaca satu berita di dalam akhbar Kosmo Online yang melaporkan bahawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menahan lima orang anggota dan seorang pegawai polis berpangkat Inspektor kerana disyaki menerima rasuah bernilai RM5,000.

[2] Akhbar tersebut juga melaporkan bahawa Pendaftar Mahkamah Temerloh telah memerintahkan tahanan reman selama enam hari ke atas kesemua suspek. Kes tersebut disiasat di bawah s. 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM). Saya berpendapat adalah perlu dan bertanggungjawab untuk melakukan semakan kepada perintah tahanan reman tersebut bagi melihat sama ada ia adalah teratur seperti yang diperuntukkan di bawah s. 323 KTJ seperti berikut:

> **323 Powers to call for records of subordinate Courts**
>
> (1) A Judge may call for and examine the record of any proceeding before any subordinate Criminal Court for the purpose of satisfying himself as to the correctness, legality or propriety of any finding, sentence or order recorded or passed, and as to the regularity of any proceedings of that subordinate Court.
>
> (2) Orders made under sections 97 and 98 are not proceedings within the meaning of this section.

[3] Dalam hal ini, saya telah meneliti minit permohonan reman bertarikh 6 Mei 2023 serta catatan yang dibuat oleh Penolong Kanan Pendaftar semasa prosiding tersebut. Penelitian kepada nota prosiding tersebut menunjukkan bahawa pada prosiding tersebut pegawai penyiasat telah dicatatkan hadir dengan kehadiran enam orang yang disiasat (OYDS) yang diwakili oleh peguam dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK). Ia adalah untuk permohonan reman bagi kesalahan di bawah s. 16(a)(A) Akta SPRM 2009.

[4] Alasan permohonan adalah seperti yang terdapat di perenggan (e)(1) hingga (9) yang dilihat sebagai di lampiran A helaian nombor 1 dalam minit permohonan reman seperti berikut:

A
1) Mengesan bahan bukti penting berkaitan kes ini yang dipercayai masih dalam simpanan suspek-suspek.

2) Mengesan saksi utama dan beberapa individu penting yang dipercayai berkaitan dengan siasatan kes ini.

3) Melakukan penggeledahan di beberapa lokasi di sekitar daerah Jerantut dan pengecaman terhadap suspek juga perlu dilakukan.
B

4) Terdapat dokumen-dokumen penting berkaitan siasatan yang perlu dikaji dan dirujuk kepada suspek.

5) Mengelakkan berlakunya kacau ganggu saksi-saksi lain jika suspek dibebaskan dan pencarian barang kes masih lagi dilakukan.
C

6) Mengelakkan suspek mengganggu, mempengaruhi dan mengancam saksi-saksi yang terlibat semasa proses penyiasatan jika suspek dibebaskan terlalu awal.

7) Merakam pernyataan saksi-saksi yang terlibat yang boleh membantu siasatan.
D

8) Menjalankan pemeriksaan awal dan merakam percakapan suspek di bawah seksyen 53(3) Akta SPRM 2009.

9) Sekiranya suspek dilepaskan pada peringkat ini, sudah tentu siasatan kes ini akan terjejas dan bimbang suspek akan menghapuskan bukti-bukti penting yang boleh membantu siasatan.
E

[5] Di dalam catatan nota prosiding juga telah didapati bahawa peguam OYDS telah menyatakan seperti berikut semasa prosiding reman:

Kesemua OYDS ini hadir sendiri kepada Pejabat SPRM.

F Kesemua OYDS adalah anggota polis yang masih aktif.

Orang tempatan & bukan flight risk.

Keenam-enam OYDS boleh beri kerjasama sepenuhnya.

Saya mohon untuk tempoh reman minima.

G **[6]** Di akhir prosiding reman tersebut Penolong Kanan Pendaftar telah membenarkan tahanan reman selama enam hari daripada 6 Mei 2023 hingga 11 Mei 2023 di Lokap SPRM Temerloh.

Isu Dan Analisa

H **[7]** Isu yang timbul dalam kes ini ialah apakah prosiding permohonan reman tersebut adalah teratur mengikut undang-undang. Bagi meleraikan persoalan tersebut adalah wajar untuk mahkamah merujuk kepada s. 49 Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan seperti berikut:

I

49 Kesalahan di bawah Akta menjadi kesalahan boleh tangkap dan kuasa pegawai Suruhanjaya berhubungan dengan penyiasatan

(1) Tiap-tiap kesalahan di bawah Akta ini ialah suatu kesalahan boleh tangkap bagi maksud Kanun Tatacara Jenayah.

(2) Tiap-tiap orang yang ditangkap di bawah subseksyen (1) boleh dilepaskan daripada jagaan:

(a) apabila dia mendepositkan apa-apa jumlah wang yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai Suruhanjaya;

(b) apabila dia menyempurnakan suatu bon, dengan atau tanpa penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai Suruhanjaya; atau

(c) apabila dia mendepositkan apa-apa jumlah wang yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai Suruhanjaya dan dia menyempurnakan suatu bon, dengan atau tanpa penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai Suruhanjaya.

(3) Mana-mana orang yang telah dilepaskan daripada jagaan di bawah subseksyen (2) boleh ditangkap semula tanpa waran oleh mana-mana pegawai Suruhanjaya:

(a) jika pegawai itu mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana syarat yang berdasarkannya atau yang tertakluk kepadanya orang itu telah dilepaskan atau selainnya dibenarkan dijamin telah atau mungkin dilanggar; atau

(b) apabila diberitahu secara bertulis oleh penjamin orang itu bahawa orang itu mungkin melanggar mana-mana syarat yang berdasarkannya atau yang tertakluk kepadanya orang itu telah dilepaskan dan bahawa penjamin itu hendak dibebaskan daripada obligasinya sebagai penjamin.

(4) Mana-mana orang yang ditangkap di bawah subseksyen (3) dan tidak dilepaskan hendaklah, tanpa kelengahan yang tidak munasabah, dan dalam apa-apa hal dalam masa dua puluh empat jam (tidak termasuk masa bagi apa-apa perjalanan yang perlu) dikemukakan di hadapan Mahkamah Majistret dan jika didapati oleh Mahkamah itu bahawa mana-mana syarat yang berdasarkannya atau yang tertakluk kepadanya orang itu telah dilepaskan atau selainnya dibenarkan dijamin telah atau mungkin dilanggar, Mahkamah itu boleh:

(a) mereman orang itu dalam jagaan; atau

(b) membenarkan orang itu dijamin atas syarat yang sama atau atas syarat yang lain sebagaimana yang difikirkannya patut.

(5) Jika seseorang yang ditangkap kerana sesuatu kesalahan di bawah Akta ini sedang menjalani hukuman pemenjaraan atau sedang ditahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan tahanan pencegahan, atau selainnya berada dalam jagaan yang sah, dia hendaklah,

apabila diperintahkan secara bertulis oleh seseorang pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Penguasa atau yang lebih tinggi, dikemukakan di hadapan pegawai itu atau di hadapan mana-mana pegawai lain Suruhanjaya bagi maksud penyiasatan, dan bagi maksud itu dia boleh diletakkan dalam jagaan sah selama tempoh yang tidak melebihi empat belas hari.

(6) Seseorang yang ditahan dalam jagaan yang sah di bawah subseksyen (5) atau selainnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain boleh, pada bila-bila masa, dijadikan tersedia untuk seseorang pegawai Suruhanjaya bagi maksud penyiasatan, atau boleh dibawa ke mana-mana tempat lain bagi maksud penggeledahan tempat itu, atau penyitaan apa-apa harta, atau pengenalpastian mana-mana orang atau bagi apa-apa maksud lain yang berhubungan dengan penyiasatan itu.

(7) Tempoh seseorang berada dalam jagaan yang sah di bawah subseksyen (6) hendaklah dikira dalam mengira tempoh pemenjaraan, penahanan atau jagaan lainnya.

(8) Jika seseorang telah ditangkap dan dibenarkan diikat jamin dan penjamin gagal untuk mengemukakannya atau jika syarat-syarat yang berdasarkannya atau tertakluk kepadanya seseorang dilepaskan tidak dipatuhi, Pendakwa Raya boleh memohon kepada Mahkamah Majistret untuk suatu perintah pelucuthakan jumlah wang yang telah didepositkan dan Mahkamah itu hendaklah menguruskan permohonan itu mengikut seksyen 404 Kanun Tatacara Jenayah.

Penggubalan Seksyen 49 Akta SPRM 2009

[8] Mahkamah ini telah menelusuri peruntukan s. 49 Akta SPRM 2009 tersebut dan undang-undang berkaitan dengan rasuah sebelum ini bagi mengesan sama ada peruntukan seperti s. 49 tersebut telah ada di dalam peruntukan undang-undang terdahulu iaitu Akta Pencegah Rasuah 1961 (Akta 57), Akta Biro Siasatan Negara 1973 (Akta 123), Akta Badan Pencegah Rasuah 1982 (Akta 271), Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575) dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

[9] Peruntukkan yang serupa dengan s. 49 Akta SPRM 2009 mula diperkenalkan melalui Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang dibentangkan di Parlimen pada 28 Julai 1997 oleh Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada ketika itu. Penelitian kepada Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 DR 30/97 dicatatkan di dalam huraian Rang Undang-undang tersebut berkenaan Fasal 31 seperti berikut:

> Fasal 31 bertujuan untuk menjadikan segala kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan ini kesalahan boleh tangkap dan menyatakan tatacara yang hendaklah diikuti apabila seseorang ditangkap dan hak orang itu.

[10] Fasal 31 Rang Undang-undang tersebut memperuntukkan seperti berikut:

31 (1) Tiap-tiap kesalahan di bawah Akta ini ialah suatu kesalahan boleh tangkap bagi maksud Kanun Tatacara Jenayah.

(2) Tiap-tiap orang yang ditangkap di bawah pegawai subseksyen (1) boleh dilepaskan daripada jagaan badan

(a) apabila dia mendepositkan apa-apa jumlah wang berhubungan yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki dengan oleh seorang pegawai Badan; penyiasatan

(b) apabila dia menyempurnakan suatu bon, dengan N.M.B atau tanpa penjamin, sebagaimana yang bab 6 dikehendaki oleh seorang pegawai Badan; atau

(c) apabila dia mendepositkan apa-apa jumlah wang yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai Badan dan dia menyempurnakan suatu bon, dengan atau tanpa penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai Badan.

(3) Mana-mana orang yang telah dilepaskan daripada jagaan di bawah subseksyen (2) boleh ditangkap semula tanpa waran oleh mana-mana pegawai Badan:

(a) jika pegawai itu mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana syarat yang berdasarkannya atau yang tertakluk kepadanya orang itu telah dilepaskan atau selainnya dibenarkan dijamin telah atau mungkin dilanggar; atau

(b) apabila diberitahu secara bertulis oleh penjamin orang itu bahawa orang itu mungkin melanggar mana-mana syarat yang berdasarkannya atau yang tertakluk kepadanya orang itu telah dilepaskan dan bahawa penjamin itu hendak dibebaskan daripada obligasinya sebagai penjamin.

(4) Mana-mana orang yang ditangkap di bawah subseksyen (3) dan tidak dilepaskan hendaklah, tanpa kelengahan yang tidak munasabah, dan dalam apa-apa hal dalam masa dua puluh empat jam (tidak termasuk masa bagi apa-apa perjalanan yang perlu) dikemukakan di hadapan Mahkamah Majistret dan jika didapati oleh Mahkamah itu bahawa mana-mana syarat yang berdasarkannya atau yang tertakluk kepadanya orang itu telah dilepaskan atau selainnya dibenarkan dijamin telah atau mungkin dilanggar, Mahkamah itu boleh:

(a) mereman orang itu dalam jagaan; atau

(b) membenarkan orang itu dijamin atas syarat yang sama atau atas syarat yang lain sebagaimana yang difikirkannya patut.

A (5) Jika seseorang yang ditangkap kerana sesuatu kesalahan di bawah Akta ini sedang menjalani hukuman pemenjaraan atau sedang ditahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan tahanan pencegahan, atau selainnya berada dalam jagaan yang sah, dia hendaklah, apabila diperintahkan oleh seseorang pegawai Badan yang berpangkat Penguasa atau yang lebih tinggi, dikemukakan di hadapan pegawai itu
B atau di hadapan mana-mana pegawai lain Badan bagi maksud penyiasatan, dan bagi maksud itu dia boleh diletakkan dalam jagaan sah selama tempoh yang tidak melebihi empat belas hari.

(6) Seseorang yang ditahan dalam jagaan yang sah di bawah subseksyen (5) atau selainnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain
C boleh, pada bila-bila masa, dijadikan tersedia untuk seseorang pegawai Badan bagi maksud penyiasatan, atau boleh dibawa ke mana-mana tempat lain bagi maksud penggeledahan tempat itu, atau penyitaan apa-apa harta, atau pengenalpastian mana-mana orang atau bagi apa-apa maksud lain yang berhubungan dengan penyiasatan itu.

D (7) Tempoh seseorang berada dalam jagaan yang sah di bawah subseksyen (6) hendaklah dikira dalam mengira tempoh pemenjaraan, penahanan atau jagaan lainnya.

[11] Seterusnya di dalam Akta SPRM 2009, peruntukan yang sama telah diwujudkan di bawah s. 49. Rang undang-undang tersebut dibentangkan pada
E 15 Disember 2008 oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz. Penelitian kepada Rang Undang-undang SPRM 2008 DR 21/2008 dinyatakan seperti berikut:

Fasal 49 bertujuan untuk menjadikan semua kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan sebagai kesalahan boleh tangkap dan menyatakan
F tatacara yang hendaklah diikuti apabila seseorang ditangkap dan hak orang itu.

[12] Penelitian kepada Penyata Rasmi Parlimen dan Rang Undang-undang boleh membantu mahkamah memahami tujuan penggubalan s. 49 Akta tersebut. Ia sejajar dengan peruntukan di bawah s. 17A Akta Tafsiran 1948
G dan 1967 (Akta 388) yang menyatakan seperti berikut:

In the interpretation of a provision of an Act, a construction that would promote the purpose or object underlying the Act (whether that purpose or object is expressly stated in the Act or not) shall be preferred to a construction that would not promote that purpose or object.

H **[13]** Ini turut ditegaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Perbadanan Pengurusan Sunrise Garden Kondominium v. Sunway City (Penang) Sdn Bhd & Ors And Another Appeal* [2023] 2 CLJ 333 seperti berikut:

Although statutory interpretation is exclusively within the province of the judiciary, Hansard and Parliamentary speeches may serve as an
I interpretive aid (*Maple Amalgamated Sdn Bhd & Anor v. Bank Pertanian Malaysia Bhd* [2021] 8 CLJ 409; [2021] 6 MLJ 348 at [53]).

[14] Ia turut dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Tan Kah Fatt & Anor v. Tan Ying* [2023] 2 CLJ 169 seperti berikut:

> [48] What this court did in *Bursa Malaysia Securities Bhd v. Mohd Afrizan Husain* was to examine, amongst others, the functions and duties of Bursa Malaysia. This court then opined that a contextual construction with the purposive rule of construction as statutorily enunciated in s. 17A of the Interpretation Acts 1948 and 1967 (Act 388) must be conducted:
>
> > [48] The question or issue that then follows is whether it is correct to construe a provision like r. 16.11(2) such that the text is read or interpreted grammatically, and *in vacuo*, without consideration of the surrounding words and purpose and object of the AMLR and the CMSA? Namely with no consideration for context?
> >
> > [49] We have previously concluded that the AMLR has statutory force. As such the provisions of the AMLR should be construed within the purview of, and in accordance with the principles and objectives of the CMSA. This is particularly so given that the CMSA comprises the source of the AMLR. In order to do so, it is necessary to first, construe the CMSA, the statutory interpretation of which is governed by s. 17A into the Interpretation Acts 1948 and 1967.
> >
> > [50] Malaysian law requires that the interpretation of an Act be undertaken with the purpose and object of the Act in mind. Section 17A of the Interpretation Acts 1948 and 1967 provides as follows: In the interpretation of a provision of an Act, a construction that would promote the purpose or object underlying the Act (whether that purpose or object is expressly stated in the Act or not) shall be preferred to a construction that would not promote that purpose or object.
> >
> > Please see also *Tebin Mostapa v. Hulba-Danyal Balia & Anor* [2020] 7 CLJ 561 ("*Tebin*'s case").
> >
> > [51] It is clear from the wording of s. 17A that any reading which is purely textual, as opposed to contextual, is to be rejected.
>
> [49] Having undertaken that exercise, this court found that the approach adopted by the Court of Appeal was clearly erroneous. In short, with the introduction of s. 17A of Act 388, the purposive rule of construction prevails over the literal rule of construction when one is construing statute. The literal rule of construction must give way to the purposive rule and in discerning the meaning borne in the terms used in any particular legislation, the courts must favour a construction which promotes the purpose, object or intent of the legislation over a construction which does not. I would add that such an approach does not wait for the state of ambiguity to present before the purposive approach is adopted and applied.

[15] Penelitian kepada Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat bertarikh 28 Julai 1997 ketika Dato' Seri Anwar bin Ibrahim membentangkan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 di halaman 14 telah menjelaskan tujuan penggubalan undang-undang tersebut seperti berikut:

> Atas sebab ini, maka kita mengambil keputusan untuk menggabungkan segala undang-undang mengenai rasuah di bawah satu akta. Sebelum ini, undang-undang mengenai kesalahan perbuatan jenayah rasuah di Malaysia wujud di dalam beberapa undang-undang yang berlainan iaitu Akta Pencegah Rasuah 1961, Akta Badan Pencegah Rasuah 1982, Ordinan No. 22 Darurat 1970, Kanun Keseksaan dan Akta Kastam 1967.
>
> Sudah tiba masanya kini undang-undang yang sedia ada dipinda dan disatukan bagi memastikan pelaksanaan penguatkuasaannya lebih berkesan bersesuaian dengan keadaan masa kini. Melalui pindaan ini, pegawai-pegawai BPR diperuntukkan kuasa-kuasa khusus sebagai pegawai-pegawai BPR *per se*, dengan izin, dan tidak cuma dianggap sebagai pegawai polis atau penyiasat yang mempunyai kuasa-kuasa seperti pegawai polis seperti di bawah Seksyen 5(ii) Akta Badan Pencegah Rasuah 1982.
>
> Rang Undang-undang ini akan memperjelas fungsi BPR sebagai agensi penguatkuasa undang-undang yang berasingan, mengelakkan pertindihan kuasa dengan polis dan seterusnya memiliki prasarana berasingan untuk menjalan tugas dengan berkesan, menjamin kelicinan sesuatu siasatan terutama sekali dari segi kerahsiaan bertindak dan operasi-operasi yang dijalankan.
>
> Pada masa ini, BPR tidak mempunyai segala kemudahan pentadbiran seperti yang diperuntukkan oleh peraturan-peraturan di bawah Kanun Prosedur Jenayah. Umpamanya, BPR tiada balai dan lokap sendiri yang digazetkan, tiada Buku Laporan BPR sendiri, tiada kemudahan mengambil cap jari dan gambar penjenayah dan tiada diperuntukkan kuasa melepaskan orang yang disyaki dengan mengikat jamin.
>
> Tuan Yang di-Pertua, dari segi undang-undang, akta-akta yang berlainan mempunyai kaedah pembuktian anggapan dan beban bukti yang berlainan. Ini secara keseluruhannya menyebabkan undang-undang berkaitan rasuah menjadi tidak seragam.

[16] Penelitian kepada Penyata Rasmi Parlimen tersebut tidak dapat mengesan secara jelas tujuan penggubalan s. 31 Akta Pencegahan Rasuah 1997 bagi membantu mahkamah ini memahami dengan jelas apakah tujuan pindaan tersebut. Namun sepintas lalu apa yang jelas ialah penggubalan Akta Pencegahan Rasuah 1997 adalah untuk menggabungkan dan menyelaraskan undang-undang berkenaan dengan pencegahan rasuah.

[17] Sementara itu penelitian kepada Penyata Rasmi Parlimen bertarikh 15 Disember 2008 ketika Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dibentangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Seri Mohd Nazri bin Abdul Aziz di halaman 1 telah dinyatakan seperti berikut:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta yang dinamakan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau singkatannya (SPRM) 2008 atau dalam bahasa Inggerisnya dikenali sebagai Malaysia Anti Corruption Commission Act 2008. Akta SPRM ini akan mengganti Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575) yang telah digubal khususnya bagi menubuhkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ataupun singkatannya SPRM, memasukkan peruntukan-peruntukan baru untuk menambah baik usaha pencegah rasuah, meningkatkan kuasa-kuasa penyiasatan pegawai suruhanjaya dan mengadakan peruntukan baru yang bersangkutan dengan pendakwaan serta perbicaraan kesalahan rasuah di mahkamah.

[18] Penggubalan undang-undang ini juga bertujuan untuk meningkatkan tahap profesionalisme SPRM seperti yang dinyatakan YB Menteri di halaman 9 seperti berikut:

Rang undang-undang ini juga diharapkan mampu untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan, memperbaiki persepsi kebebasan dan ketelusan serta meningkatkan tahap profesionalisme suruhanjaya yang bakal beroperasi pada tahun hadapan. Sokongan oleh beberapa mekanisme, tanggungjawab yang diwujudkan akan memastikan suruhanjaya bertindak dengan telus selaras dengan kehendak perundangan negara dan aspirasi masyarakat. Adalah menjadi harapan kerajaan, rang undang-undang ini mendapat sokongan dan diterima baik oleh semua pihak termasuk pihak pembangkang ke arah membina Malaysia yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

[19] Penelitian kepada Penyata Rasmi Parlimen juga tidak menunjukkan perbincangan dan penjelasan secara khusus berkenaan dengan peruntukan di bawah s. 49 Akta SPRM 2009 tersebut bagi membolehkan mahkamah mendapatkan gambaran maksud penggubalan s. 49 tersebut.

Tinjauan Kepada Undang-Undang Bertulis Berkaitan Pencegahan Rasuah Berkenaan Dengan Kuasa Siasatan

[20] Sementara itu, di bawah Akta Pencegah Rasuah 1961 kuasa yang diberikan adalah kuasa polis di bawah Bahagian IV iaitu ss. 21 dan 23 seperti berikut:

21 Powers of search and seizure

(1) Whenever it appears to any Magistrate upon information and after such inquiry as he thinks necessary that there is reasonable cause to believe that in any place there is any evidence of the commission of an offence under this Act, or of any prescribed offence, he may, by warrant directed to any police officer empower the officer to enter the place, by force if necessary, and there to search for, seize and detain any such evidence.

(2) Whenever it appears to any police officer of or above the rank of Inspector that there is reasonable cause to believe that in any place there is concealed or deposited any evidence of the commission of an offence under this Act, or of any prescribed offence, and the police officer has

reasonable grounds for believing that by reason of the delay in obtaining a search warrant the object of the search is likely to be frustrated, he may exercise in and in respect of the place all the powers mentioned in subsection (1) in as full and ample a measure as if he were empowered to do so by warrant issued under the subsection.

23 Special powers of investigation

(1) Notwithstanding anything in any other law contained, the Public Prosecutor, if satisfied that there are reasonable grounds for suspecting that an offence under this Act, or any prescribed offence, has been committed by any person, may by order authorize any police officer of or above the rank of Assistant Superintendent named in the order to make an investigation in the matter in such manner or mode as may be specified in the order. The order may authorize the investigation of any bank account, share account or purchase account, expense account or any other account, or any safe deposit box in any bank, and shall be sufficient authority for the disclosure or production by any person of all or any information or accounts or documents or articles as may be required by the officer so authorized.

(2) Any person who fails or refuses to disclose any such information or to produce any such accounts or documents or articles to the person so authorized shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both.

[21] Seksyen 29 Akta Pencegah Rasuah 1961 (Akta 57) pula memperuntukkan seperti berikut dalam versi Bahasa Inggeris:

29 Offences to be seizable

Every offence under this Act and every prescribed offence shall be deemed to be a seizable offence for the purposes of the law for the time being in force relating to criminal procedure.

[22] Seterusnya di bawah Akta Biro Siasatan Negara 1973 (Akta 123) kuasa pegawai Biro Siasatan Negara telah dinyatakan di bawah s. 5 seperti berikut:

5(1) Ketua Pengarah Biro adalah mempunyai segala kuasa seseorang Timbalan Pendakwa Raya di bawah Kanun Acara Jenayah sebagaimana yang berkenaan dan segala kuasa seseorang pegawai Biro.

(2) Tertakluk kepada seksyen 6, seseorang pegawai Biro adalah mempunyai segala kuasa seseorang pegawai polis di bawah Akta Pencegah Rasuah, 1961 dan mana-mana undang-undang yang ditetapkan seolah-olah ianya adalah seorang pegawai yang dilantik di bawah Akta Polis, 1967 dan Kanun Acara Jenayah sebagaimana yang berkenaan hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

(3) Tertakluk kepada seksyen 6, seseorang pegawai Biro adalah mempunyai segala kuasa seseorang pegawai kastam di bawah mana-mana undang-undang yang ditetapkan seolah-olah ianya adalah seorang pegawai yang dilantik di bawah Akta Kastam, 1967 dan Kanun Acara Jenayah sebagaimana yang berkenaan hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

[23] Penelitian kepada s. 5 Akta Badan Pencegah Rasuah 1982 (Akta 271) telah menyatakan bahawa semua pegawai Badan Pencegah Rasuah adalah dianggap sebagai pegawai polis dan mempunyai segala kuasa dan imuniti di bawah Akta Polis 1967 dan KTJ. Ini dinyatakan dalam naskah Bahasa Inggeris seperti berikut:

5 Powers of officers of the Agency

(1) The Director-General of the Agency shall have all the powers of a Deputy Public Prosecutor under the Criminal Procedure Code and all the powers of an officer of the Agency.

(2) For the purposes of this Act, the Prevention of Corruption Act 1961, and any prescribed law, an officer of the Agency shall be deemed to be a police officer and shall have all the powers and immunities of such officer appointed under the Police Act 1967, and the Criminal Procedure Code and any other written law shall be construed accordingly.

(3) An officer of the Agency shall, subject to section 6, have all the powers of an officer of customs under any prescribed law as if he were an officer appointed under the Customs Act 1967, and the Criminal Procedure Code shall be construed accordingly.

[24] Penelitian kepada Akta-akta di atas dapat memberi kefahaman berkenaan perkembangan undang-undang pencegahan rasuah di negara ini. Pada tahun 1997, telah ditubuhkan Badan Pencegah Rasuah di bawah undang-undang Akta Pencegahan Rasuah 1997 maka s. 31 ketika itu diperkenalkan bagi menjelaskan kuasa siasatan Badan Pencegah Rasuah yang kini telah tidak lagi tertakluk kepada Akta Pencegah Rasuah 1961. Ini ditambah pula dengan pengenalan Akta SPRM 2009 yang menubuhkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang bebas dan mempunyai kuasa siasatan yang perlu diperincikan di bawah s. 49 yang terletak di bawah Bahagian V Penyiasatan, Pemeriksaan dan Penggeledahan, Penyitaan dan Penangkapan berkenaan dengan siasatan. Ini bermakna segala siasatan yang dibuat di bawah Akta SPRM 2009 adalah tertakluk kepada s. 49. Di samping itu mahkamah juga mengambil maklum s. 67 Akta SPRM yang menyatakan bahawa seperti berikut:

67 Pemakaian peruntukan Akta ini bagi kesalahan ditetapkan

Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis lain yang berlawanan, peruntukan Akta ini hendaklah terpakai bagi sesuatu kesalahan ditetapkan tidak kira sama ada pendakwaan atau apa-apa prosiding lain berkenaan dengan kesalahan itu dimulakan atau diambil oleh seseorang pegawai Suruhanjaya, atau seseorang pegawai polis atau pegawai kastam, atau mana-mana pegawai lain yang mempunyai kuasa untuk menyiasat, mendakwa atau mengambil apa-apa prosiding berkenaan dengan kesalahan itu.

[25] Ini bermakna Akta SPRM 2009 ini perlu dipatuhi dalam pengendalian kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan di bawah Akta tersebut. Ini adalah sejajar dengan prinsip pentafsiran undang-undang bertulis iaitu *generalibus specialia derogant*. Mahkamah juga perlu memberi perhatian kepada s. 3 KTJ berkenaan dengan pemakaian Kanun Tatacara Jenayah dengan undang-undang khusus yang digubal oleh badan perundangan. Seksyen 3 KTJ memperuntukkan seperti berikut:

> **3 Trial of offences under Penal Code and other laws**
>
> All offences under the Penal Code shall be inquired into and tried according to the provisions hereinafter contained, and all offences under any other law shall be inquired into and tried according to the same provisions: subject however to any written law for the time being in force regulating the manner or place of inquiring into or trying such offences.

[26] Kaedah pemakaian s. 3 KTJ kepada undang-undang khusus yang digubal berkenaan dengan prosedur jenayah telah dijelaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *PP v. Chu Beow Hin* [1982] CLJ 110; [1982] CLJ (Rep) 288; [1982] 1 MLJ 135 seperti berikut:

> Where a special provision is made in a special statute that special provision excludes the operation of a general provision in the general law – *generalibus specialia derogant.* Therefore the Price Control Act deals with a special case and to that extent the general provisions of the Criminal Procedure Code do not affect its operation.

[27] Mahkamah Persekutuan dalam kes *PP v. Chew Siew Luan* [1982] CLJ 354; [1982] CLJ (Rep) 285; [1982] 2 MLJ 119 turut menjelaskan prinsip maksim *generalibus specialia derogant*.

[28] Mahkamah Rayuan dalam kes *Shamsul Kamar Karia v. PP* [2013] 9 CLJ 387 seperti berikut:

> [12] We could not accept the learned DPP's submissions on this point. It is relevant to note that s. 3 of the CPC lays down the general rule that all offences under the Penal Code and offences in statutes other than the Penal Code shall be tried according to the provisions of the CPC (see: *Mallal's Criminal Procedure* 6th edn., para. 53). That, broadly speaking, is the basic principle. In our view, even though the CPC relates to criminal procedure, chapter XXXIX of the CPC consisting ss. 395-402A contain special provisions relating to evidence, designed to further the ends of justice and to ensure that an accused person gets a fair trial. On the issue presently under discussion, s. 399 as we have discussed earlier is a special and exclusive provision in the CPC governing the admissibility of reports as evidence of certain persons. On the other hand, s. 32 of the Evidence Act is a general provision which deals with statements of persons who cannot be called as witnesses, on the ground that: (a) they are dead; (b) they cannot be found; (c) they have become incapable of giving evidence; (d) their attendance cannot be procured without an amount of delay or expense which under the circumstances of the case, appears to the court unreasonable (see: *Janab's Key to Criminal Procedure and Evidence*

2nd edn. at pp. 798-799). It is well-settled that where a special provision is made in a special statute, that special provision excludes the operation of a general provision in the general law *generalibus specialia derogant* (see: *Chu Beow Hin v. PP* [1980] 1 LNS 107; [1982] 1 MLJ 135 and *PP v. Chew Siew Luan* [1982] CLJ 354; [1982] CLJ (Rep) 285; [1982] 2 MLJ 119). It is a general rule of evidence that the Evidence Act cannot override specific provisions of other statutes (see: *Koh Hor Khoon v. Regina* [1955] 1 LNS 44; [1955] MLJ 196). Therefore, in our view, the admissibility of the chemist report (exh. P11) must be governed by s. 399(1) of the CPC, not according to s. 32 of the Evidence Act, and that the general provisions of s. 32 of the Evidence Act must necessarily yield to the specific provisions of s. 399(1) of the CPC.

[29] Mahkamah ini berpendapat setelah meneliti peruntukan s. 49 Akta SPRM 2009 dan sejarah penggubalan s. 49 tersebut dapatlah difahami bahawa Akta SPRM 2009 telah memperuntukkan secara khusus berkenaan tatacara pengendalian tangkapan dan perkara-perkara yang boleh dilakukan ke atas seseorang yang ditangkap seperti yang diperincikan di bawah s. 49 Akta tersebut. Oleh itu, tangkapan yang dibuat di bawah s. 49 Akta SPRM perlu mematuhi tatacara tersebut dan tiada tatacara yang lain boleh digunakan.

[30] Walau bagaimanapun, mahkamah juga perlu meneliti s. 49(2) yang mana dinyatakan di situ adalah tiap-tiap orang yang ditangkap di bawah sub-s. (1) boleh dilepaskan (may be released) daripada jagaan. Ia mencadangkan bahawa seseorang itu boleh atau tidak dilepaskan selepas ditangkap. Apakah yang akan berlaku sekiranya pegawai SPRM memilih untuk tidak membebaskan orang yang ditangkap tersebut. Apakah seseorang itu boleh ditahan melebihi daripada yang dibenarkan oleh undang-undang. Perlembagaan Persekutuan per. 5 fasal 4 menyatakan seperti berikut:

(4) Where a person is arrested and not released he shall without unreasonable delay, and in any case within twenty-four hours (excluding the time of any necessary journey) be produced before a magistrate and shall not be further detained in custody without the magistrate's authority:

Provided that this Clause shall not apply to the arrest or detention of any person under the existing law relating to restricted residence, and all the provisions of this Clause shall be deemed to have been an integral part of this Article as from Merdeka Day:

Provided further that in its application to a person, other than a citizen, who is arrested or detained under the law relating to immigration, this Clause shall be read as if there were substituted for the words "without unreasonable delay, and in any case within twenty-four hours (excluding the time of any necessary journey)" the words "within fourteen days":

And provided further that in the case of an arrest for an offence which is triable by a Syariah court, references in this Clause to a magistrate shall be construed as including references to a judge of a Syariah court.

[31] Jika ini berlaku ia seolah-olah menunjukkan bahawa prosiding yang sepatutnya dibuat adalah dengan mematuhi peruntukan di bawah s. 117 KTJ disebabkan seseorang itu tidak boleh ditahan melebihi tempoh 24 jam yang mana hak tersebut telah dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan.

[32] Mahkamah merujuk kepada peruntukan di bawah s. 117 KTJ memperuntukkan tatacara permohonan reman. Ia perlu dibaca bersama dengan s. 28 KTJ yang memperuntukkan seperti berikut:

> **28 How person arrested is to be dealt with and detention for more than twenty-four hours**
>
> (1) A police officer making an arrest without a warrant shall without unnecessary delay and subject to the provisions herein as to bail or previous release take or send the person arrested before a Magistrate.
>
> (2) No police officer shall detain in custody a person arrested without a warrant for a longer period than under all the circumstances of the case is reasonable.
>
> (3) Such period shall not in the absence or after the expiry of a special order of a Magistrate under section 117 exceed twenty-four hours exclusive of the time necessary for the journey from the place of arrest to the Magistrate.

[33] Mahkamah juga meneliti peruntukan di bawah s. 117 KTJ yang memperuntukkan seperti berikut:

> **117 Procedure where investigation cannot be completed within twenty-four hours**
>
> (1) Whenever any person is arrested and detained in custody and it appears that the investigation cannot be completed within the period of twenty-four hours fixed by section 28 and there are grounds for believing that the accusation or information is well founded the police officer making the investigation shall immediately transmit to a Magistrate a copy of the entries in the diary hereinafter prescribed relating to the case and shall at the same time produce the accused before the Magistrate.
>
> (1A) The Public Prosecutor may appear in any application made under this section.
>
> (2) The Magistrate before whom an accused person is produced under this section may, whether he has or has no jurisdiction to try the case, authorize the detention of the accused in such custody as follows:
>
> (a) if the offence which is being investigated is punishable with imprisonment of less than fourteen years, the detention shall not be more than four days on the first application and shall not be more than three days on the second application; or
>
> (b) if the offence which is being investigated is punishable with death or imprisonment of fourteen years or more, the detention shall not be more than seven days on the first application and shall not be more than seven days on the second application.

(3) The officer making the investigation shall state in the copy of the entries in the diary referred to in subsection (1), any period of detention of the accused immediately prior to the application, whether or not such detention relates to the application.

(4) The Magistrate, in deciding the period of detention of the accused person, shall take into consideration any detention period immediately prior to the application, whether or not such detention relates to the application.

(5) The Magistrate in deciding the period of detention of the accused shall allow representations to be made either by the accused himself or through a counsel of his choice.

(6) If the Magistrate has no jurisdiction to try the case and considers further detention unnecessary he may order the accused person to be produced before a Magistrate having such jurisdiction or, if the case is triable only by the High Court, before himself or another Magistrate having jurisdiction with a view to transmission for trial by the High Court.

(7) A Magistrate authorising under this section detention in the custody of the police shall record his reasons for so doing.

[34] Akta SPRM 2009 tidak memperihalkan apakah yang akan dibuat selepas seseorang itu ditahan lebih daripada 24 jam. Apa yang ada ialah permohonan reman hanya boleh dibuat sekiranya orang yang ditangkap tersebut telah melanggar syarat-syarat yang dinyatakan di bawah s. 49(2) Akta SPRM 2009.

[35] Secara perbandingannya peruntukan di bawah s. 49 tersebut tidak diperuntukkan seperti yang terdapat misalnya di dalam Akta Imigresen 1959/63, s. 51(5) menyatakan seperti berikut:

(5) Notwithstanding anything contained in this Act or in any subsidiary legislation made under this Act:

(a) where any person who is a citizen is arrested or detained under this Act, otherwise than for an offence against this Act and has not been earlier released, he shall without unreasonable delay, and in any case within twenty-four hours (excluding the time for any necessary journey), be produced before a Magistrate and shall not be further detained in custody without the Magistrate's authority; and

(b) where any person other than a citizen is arrested or detained under this Act, whether for an offence against this Act or otherwise than for such offence, and has not been earlier released, or charged in court for an offence against this Act, or removed from Malaysia under this Act, he shall, within fourteen days of his arrest or detention, be produced before a Magistrate who shall make an order for his detention for such period as may be required by an immigration officer or a police officer for the purpose of

investigations into an offence against this Act, or by an immigration officer for the purpose of either making inquiries, or effecting his removal from Malaysia, under this Act,

and any provision of this Act or any subsidiary legislation made under this Act providing for the arrest or detention, otherwise than for an offence, of a person who is a citizen, or for the arrest or detention of a person other than a citizen, whether for an offence against this Act or otherwise than for such offence, shall be read as being subject to the provisions of paragraph (a) or (b), as may be applicable:

Provided that the Magistrate before whom such person is produced under paragraph (a) or (b), as the case may be, shall not authorize or order the detention of such person for a period in excess of the maximum period which may be specified in the provision under which he is to be detained.

(6) The provisions of paragraph (5)(b) shall have effect notwithstanding anything inconsistent therewith or contrary thereto in the Criminal Procedure Code.

[36] Begitu juga di bawah s. 47D Akta Perikanan 1985 yang memperuntukkan seperti berikut:

47D Procedure where investigation cannot be completed within twenty-four hours by a fisheries officer

(1) Whenever any person arrested and detained in custody by a fisheries officer for an offence under this Act, and it appears that the investigation cannot be completed within the period of twenty-four hours from the time the person is arrested, any fisheries officer may produce such person before a Magistrate for the purpose of subsection (2).

(2) The Magistrate before whom such person is produced under subsection (1) may, whether he has or has no jurisdiction to try the case, from time to time authorise the detention of such person in such custody as such Magistrate thinks fit for a term not exceeding fifteen days on the whole.

[37] Seterusnya jika ditinjau kepada undang-undang pencegahan rasuah di negara lain misalnya Singapura di bawah Prevention of Corruption Act (Chapter 241) memperuntukkan seperti berikut:

Powers of arrest

15(1) The Director or any special investigator may without a warrant arrest any person who has been concerned in any offence under this Act or against whom a reasonable complaint has been made or credible information has been received or a reasonable suspicion exists of his having been so concerned.

(2) The Director or a special investigator arresting a person under subsection (1) may search such person and take possession of all articles found upon him which there is reason to believe were the fruits or other evidence of the crime, provided that no female shall be searched except by a female.

(3) Every person so arrested shall be taken to the Corrupt Practices Investigation Bureau or to a police station.

Powers of investigation

16. In any case relating to the commission:

(a) of an offence under section 165 or under sections 213 to 215 of the Penal Code [Cap. 224], or of any conspiracy to commit, or of any attempt to commit, or of any abetment of such an offence;

(b) of an offence under this Act; or

(c) of any seizable offence under any written law which may be disclosed in the course of an investigation under this Act,

the Director or a special investigator may, without the order of the Public Prosecutor, exercise all or any of the special powers in relation to police investigations into a seizable offence given by the Criminal Procedure Code [Cap. 68]:

Provided that an investigation into an offence under the Penal Code [Cap. 224] shall be deemed to be a police investigation to which section 122 of the Criminal Procedure Code shall apply in the same manner and to the same extent as if the Director or the special investigator concerned were a police officer.

Special powers of investigation

17(1) Notwithstanding anything in any other law, the Public Prosecutor, if satisfied that there are reasonable grounds for suspecting that an offence under this Act has been committed, may, by order, authorise the Director or any police officer of or above the rank of assistant superintendent named in such order or a special investigator so named to make an investigation in the matter in such manner or mode as may be specified in that order. The order may authorise the investigation of any bank account, share account, purchase account, expense account or any other account, or any safe deposit box in any bank, and shall be sufficient authority for the disclosure or production by any person of all or any information or accounts or documents or articles as may be required by the officer so authorised.

(2) Any person who fails to disclose such information or to produce such accounts or documents or articles to the person so authorised shall be guilty of an offence and shall be liable on conviction to a fine not exceeding $2,000 or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both.

Special powers of investigation in non-seizable offences

18. The Public Prosecutor may by order authorise the Director or a special investigator to exercise, in the case of any non-seizable offence, all or any of the special powers in relation to police investigations contained in Chapter XIII of the Criminal Procedure Code.

[38] Penelitian kepada peruntukan di dalam Akta SPRM 2009 secara keseluruhannya mencadangkan bahawa apabila seseorang itu ditangkap ia haruslah diperlakukan seperti kehendak s. 49 Akta tersebut. Ini adalah disebabkan penelitian kepada s. 49 perlu dibaca bersama dengan fungsi pegawai SPRM yang dinyatakan di bawah s. 7(a), (b) yang memperuntukkan kuasa berkenaan tentang tindakan yang perlu diambil apabila menerima aduan tentang kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 seperti berikut:

> Pegawai Suruhanjaya hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:
>
> (a) menerima dan menimbangkan apa-apa aduan tentang pelakuan kesalahan di bawah Akta ini dan menyiasat mana-mana aduan itu sebagaimana yang difikirkan praktik oleh Ketua Pesuruhjaya atau pegawai-pegawai itu;
>
> (b) mengesan dan menyiasat:
>
> (i) apa-apa kesalahan yang disyaki di bawah Akta ini;
>
> (ii) apa-apa percubaan yang disyaki untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini; dan
>
> (iii) apa-apa komplot yang disyaki untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini;

[39] Mahkamah berpendapat siasatan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya adalah perlu dilakukan di bawah Bahagian V Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan tatacara penyiasatan, pemeriksaan dan penggeledahan, penyitaan dan penangkapan dan bukannya undang-undang yang lain.

[40] Mahkamah juga turut meneliti peruntukan di bawah s. 10(1)(a) dan (b) seperti berikut:

> (1) Sebagai tambahan kepada, dan tanpa menjejaskan, kuasa, kewajipan dan fungsi yang diberikan di bawah Akta ini:
>
> (a) seseorang pegawai Suruhanjaya hendaklah mempunyai, bagi maksud Akta ini, segala kuasa dan kekebalan seorang pegawai polis yang dilantik di bawah Akta Polis 1967 (Akta 344); dan
>
> (b) seseorang pegawai rendah Suruhanjaya hendaklah mempunyai, bagi maksud Akta ini, segala kuasa dan kekebalan seorang pegawai penjara yang berpangkat sarjan dan lebih rendah di bawah Akta Penjara 1995 [Akta 537] apabila membawa dan menjaga orang dalam tahanan Suruhanjaya dan kuasa dan kekebalan seorang pegawai polis yang berpangkat sarjan atau lebih rendah yang dilantik di bawah Akta Polis 1967.

Peruntukan di atas tidak menunjukkan bahawa penyiasatan oleh pegawai SPRM boleh menggunakan undang-undang yang lain disebabkan telah ada peruntukan yang khusus di bawah s. 49 Akta SPRM 2009 tersebut.

[41] Mahkamah juga berpendapat bahawa disebabkan terdapat peruntukan khusus berkenaan dengan penyiasatan, pemeriksaan dan pengeledahan, penyitaan dan penangkapan di Bahagian V yang meliputi ss. 29 hingga 49 ia tidak membolehkan penggunaan undang-undang lain berkaitan dengan penyiasatan dan penangkapan seperti Kanun Tatacara Jenayah yang telah diterangkan dalam kes *Chu Beow Hin* (*supra*) di atas.

[42] Isu sama ada seseorang yang ditahan melebihi daripada 24 jam oleh pegawai SPRM sudah terang lagi bersuluh ia bercanggah dengan per. 5(4) Perlembagaan Persekutuan. Sementara itu penggunaan s. 117 KTJ pula tidak boleh dilakukan disebabkan halangan di bawah s. 67 Akta SPRM 2009 dan prinsip *generalibus specialia derogant* dalam kes *Chu Beow Hin* (*supra*). Ini bermakna peruntukan s. 49(2) Akta SPRM perlu digunakan. Mahkamah juga mengambil kira peruntukan s. 28 KTJ berkenaan dengan tindakan yang perlu dilakukan bagi seseorang yang ditahan melebihi 24 jam.

[43] Malahan jika dilihat kepada s. 49 itu secara teliti ia memperuntukkan bahawa apabila seseorang itu telah ditangkap di bawah s. 49(1), penyiasatan yang sewajarnya setelah menerima aduan seperti yang diperuntukkan di bawah s. 7 Akta tersebut sudah berada di penghujung. Ini bermakna setelah siasatan itu selesai dan telah dapat ditentukan pihak yang ingin ditangkap maka tangkapan dibuat di bawah s. 49(1) bagi mengambil tindakan yang sewajarnya bagi orang yang ditangkap. Sekiranya penyiasatan memerlukan tempoh masa yang lanjut maka s. 49(2)(a), (b), (c) akan digunakan. Kegagalan mematuhi syarat-syarat di bawah s. 49(2) akan menyebabkan orang yang ditangkap itu boleh ditangkap semula dan dibawa kepada tahanan reman. Ia tidak menunjukkan bahawa seseorang yang ditangkap di bawah kesalahan-kesalahan Akta SPRM 2009 perlu diperlakukan seperti kesalahan jenayah yang melibatkan kekerasan seperti kes bunuh atau rompakan yang memerlukan penyiasatan lanjut berdasarkan kepada keterangan yang dikemukakan oleh pihak yang ditangkap sehingga menyebabkan siasatan tersebut tidak boleh diselesaikan dalam tempoh 24 jam dan memerlukan permohonan tahanan reman dibuat. Seksyen 49 ini menunjukkan bahawa siasatan tersebut perlu diselesaikan dalam tempoh kurang daripada 24 jam sehingga tidak perlu untuk membuat permohonan tahanan reman. Sekiranya tempoh tersebut tidak dapat diselesaikan siasatan, pegawai penyiasat mempunyai kuasa di bawah s. 49(2)(a), (b), (c) memberikan perintah-perintah tersebut dan sebarang kemungkiran kepada perintah tersebut mendedahkan OYDS untuk ditangkap semula dan permohonan reman boleh dibuat di bawah s. 49(4) Akta SPRM 2009. Inilah yang dapat difahami daripada peruntukan tersurat di bawah s. 49 Akta tersebut.

[44] Mahkamah berpendapat kekeliruan yang timbul s. 49 Akta SPRM 2009 kerana terdapatnya peruntukan di bawah s. 49(1) yang menyatakan bahawa tiap-tiap kesalahan di bawah Akta ini ialah suatu kesalahan boleh tangkap bagi maksud Kanun Tatacara Jenayah. Peruntukan ini adalah sama

dengan s. 29 Akta Pencegah Rasuah 1961. Di bawah Akta Pencegah Rasuah 1961 tiada peruntukan berkenaan dengan bagaimanakah cara untuk mengendalikan tangkapan di bawah Akta tersebut.

[45] Mahkamah berpendapat frasa kesalahan boleh tangkap bagi maksud Kanun Tatacara Jenayah adalah merujuk kepada takrifan kesalahan boleh tangkap di bawah s. 2 yang menyatakan seperti berikut:

> "seizable offence" means an offence for which and "seizable case" means a case in which a police officer may ordinarily arrest without warrant according to the third column of the First Schedule.

Ia tidak membawa maksud pada hemat mahkamah membuka ruang kepada penggunaan s. 117 KTJ dalam tangkapan di bawah s. 49(1) Akta SPRM 2009. Ini adalah disebabkan Akta SPRM 2009 telah memperuntukkan secara jelas pengendalian tangkapan di bawah s. 49 tersebut. Pada masa yang sama juga tiada peruntukan yang secara khusus menyatakan bahawa KTJ terpakai dalam tangkapan di bawah s. 49. Ia juga berdasarkan kepada maksim tafsiran undang-undang *generalibus specialia derogant*.

[46] Sebaliknya kini s. 49 telah memperihalkan bagaimanakah perlu diambil tindakan kepada orang yang ditangkap di bawah Akta SPRM 2009. Ini bermakna selepas tangkapan dibuat maka peruntukan di bawah s. 49 perlu dipatuhi.

[47] Penelitian kepada s. 49(2)(a), (b), (c) Akta SPRM 2009 menunjukkan bahawa apabila seseorang itu telah ditangkap maka perkara-perkara berikut perlu dibuat:

> (a) apabila dia mendepositkan apa-apa jumlah wang yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai Suruhanjaya;
>
> (b) apabila dia menyempurnakan suatu bon, dengan atau tanpa penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai Suruhanjaya; atau
>
> (c) apabila dia mendepositkan apa-apa jumlah wang yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai Suruhanjaya dan dia menyempurnakan suatu bon, dengan atau tanpa penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai Suruhanjaya.

[48] Jika pegawai SPRM mendapati bahawa terdapatnya ketidakpatuhan s. 49(2)(a), (b), (c) di atas atau kegagalan untuk hadir ke pejabat untuk siasatan maka tindakan tangkapan boleh dibuat di bawah s. 49(2) Akta SPRM 2009 dan boleh juga membuat permohonan untuk tahanan reman di bawah s. 49(3) Akta yang sama.

[49] Ini bermakna sebelum seseorang itu boleh ditahan reman di bawah s. 49 Akta SPRM 2009, OYDS perlulah terlebih dahulu melalui proses di bawah s. 49(2)(a), (b), (c). Tahanan reman hanya boleh dibuat sekiranya terdapat keadaan di mana orang yang disiasat itu tidak mematuhi s. 49(2)(a), (b), (c) dan boleh ditangkap semula di bawah s. 49(3) serta tahanan reman

di bawah s. 49(4) Akta tersebut. Mahkamah berpendapat selepas tangkapan dibuat di bawah s. 49(1), tahanan reman di bawah s. 117 KTJ tidak boleh dibuat.

[50] Seterusnya apabila permohonan untuk reman dibuat di bawah s. 49(4) Akta SPRM 2009, mahkamah ketika mendengar permohonan di bawah s. 49(4) Akta tersebut mahkamah boleh mereman orang itu dalam jagaan atau membenarkan orang itu dijamin atas syarat-syarat yang sama yang diberikan di bawah s. 49(2) Akta SPRM 2009 seperti di atas atau syarat-syarat lain sebagaimana yang difikirkan patut. Ini diperuntukkan di bawah s. 49(4) Akta SPRM 2009.

Dapatan

[51] Di dalam kes ini, penelitian kepada nota prosiding mendapati bahawa tiada sebarang petanda yang menunjukkan bahawa keenam-enam OYDS ini telahpun melalui proses di bawah s. 49(2)(a), (b), (c) Akta SPRM 2009. Mahkamah juga mendapati dalam nota prosiding tiada keterangan yang menunjukkan bahawa keenam-enam orang ini telahpun melanggari apa-apa perintah yang diberikan di bawah s. 49(2)(a), (b), (c) Akta SPRM 2009 sehingga boleh mereka ditangkap dan seterusnya dikemukakan untuk tahanan reman.

[52] Oleh itu, mahkamah berpendapat perintah tahanan reman bertarikh 6 Mei 2023 oleh Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Temerloh adalah tidak betul dan tidak sah mengikut undang-undang. Oleh itu, mahkamah menggunakan bidang kuasa semakan memutuskan perintah tahanan reman tersebut diketepikan.

Kesimpulan

[53] Adalah menjadi amalan mulia semua permohonan reman hendaklah dilakukan mengikut peruntukan undang-undang. Ini adalah disebabkan ia melibatkan kebebasan individu yang ditahan. Pada masa yang sama, mahkamah juga perlu menimbangkan keperluan pihak penguatkuasa yang menjalankan siasatan bagi melengkapkan siasatan. Sekiranya tahanan reman tidak diberikan ia boleh menyukarkan siasatan dilengkapkan. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab Majistret yang mendengar permohonan reman memperhalusi alasan permohonan reman tersebut. Pada masa yang sama, perlu mendengar hujahan daripada OYDS sehingga berpuas hati untuk membenarkan permohonan reman tersebut. Sekiranya tahanan reman tersebut dibuat berkaitan dengan kesalahan yang bukannya di bawah Kanun Keseksaan maka adalah penting untuk Majistret yang mendengar permohonan reman tersebut membuat semakan berkenaan peruntukan undang-undang berkaitan penyiasatan dan penahanan di bawah undang-undang tersebut. Ini bagi mengelakkan berlaku kesilapan dalam penahanan reman seseorang individu. Pada masa yang sama, pematuhan yang ketat

kepada arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bil. 1 Tahun 2021 pengendalian prosiding permohonan reman di bawah s. 117 Kanun Tatacara Jenayah bertarikh 10 September 2021 perlu diberikan perhatian. Di samping itu, garis panduan yang diberikan oleh mahkamah atasan berkenaan prosiding reman juga perlu diberikan perhatian seperti yang diputuskan dalam kes *PP v. Ayar & Ors* [2010] 9 CLJ 1006; *Saul Hamid Pakir Mohamed v. PP* [1987] 2 CLJ 257; [1987] CLJ (Rep) 967; [1987] 2 MLJ 736; *Polis Diraja Malaysia v. Audrey Keong Mei Cheng* [1994] 3 CLJ 362; [1994] 3 MLJ 296; *In Re The Detention Of S Sivarasa & Ors* [1997] 1 CLJ 471; [1996] 3 MLJ 611.

[54] Sesungguhnya mahkamah, Timbalan Pendakwa Raya, peguam dan pegawai penyiasat daripada agensi penguatkuasa undang-undang mempunyai tanggungjawab dan amanah yang besar untuk memastikan hak asasi yang dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan tidak dipandang enteng dan tidak memandang serong kepada tindakan badan penguatkuasa untuk melaksanakan tugas di dalam tugas penyiasatan semasa prosiding reman. Sikap profesional keempat-empat entiti ini akan menyebabkan pihak-pihak yang terlibat dalam penyiasatan akan diberikan hak seperti yang sewajarnya. Ia juga akan mengelakkan daripada penyalahgunaan kuasa oleh mana-mana entiti dalam menjalankan tugas.

[55] Matlamat yang suci tidak menghalalkan cara yang tidak mengikut undang-undang bagi mencapai matlamat tersebut. Ia perlu dielakkan bagi memastikan kelestarian sistem perundangan jenayah kekal dan ia dihormati dan diyakini oleh semua pihak.